

KEPENTINGAN SANAD DALAM MENJAGA KEASLIAN AL-QURAN

MOHAMAD REDHA BIN MOHAMAD
mohamadredha@kuis.edu.my

MUHAMMAD ZAID BIN SHAMSHUL KAMAR
muhammadzaid@kuis.edu.my

SHAHARUDDIN BIN SAAD
shaharuddin@kuis.edu.my

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Menurut Imam Al-Jazari, sanad adalah sandaran, sijil tauliah, atau kesaksian dalam penerimaan sesuatu qiraat. Sebagaimana sanad dalam ilmu hadis, sanad al-quran merupakan kesinambungan sesuatu bacaan al-quran yang sampai kepada Rasulullah s.a.w. Kesinambungan sanad merupakan salah satu daripada tiga rukun bacaan al-quran yang sahih. Sanad al-quran boleh diperolehi dengan cara talaqqi musyafahah iaitu bertemu dan membaca al-Quran dihadapan guru untuk disemak. Dewasa kini, semakin ramai rakyat Malaysia yang sedar akan kepentingan sanad al-quran. Kertas kerja ini membincangkan kepentingan sanad dalam menjaga keaslian ayat-ayat al-quran. Antara kepentingan sanad adalah menyambung tradisi ilmu Islam, menjaga keaslian qiraat dan bimbingan bacaan al-quran secara berterusan. Metod kajian dilakukan secara kualitatif manakala pengumpulan data dijalankan menerusi kaedah kepustakaan dan pemerhatian. Hasil kajian mendapati pengambilan sanad al-quran sama ada sanad hafazan ataupun sanad talaqqi adalah sangat penting untuk menjaga keaslian ayat-ayat suci al-quran. Kertas kerja ini dapat memberi sumbangan dalam aspek kajian terhadap sanad al-quran secara umum.

Kata kunci: Sanad, Talaqqi, Qiraat

1.0 Pendahuluan

Islam adalah satu cara hidup yang lengkap. Ia mencakupi setiap perkara yang hadir dalam kehidupan seharian manusia. Allah s.w.t. menurunkan al-Quran sebagai panduan utama untuk umat manusia di samping mengutuskan rasul untuk diteladani. Rasulullah s.a.w. telah menyatakan bahawa individu yang berpegang teguh dengan al-Quran dan as-Sunnah pasti tidak akan tersesat buat selama-lamanya. Ini membuktikan betapa pentingnya al-Quran dalam membentuk dan membimbing umat manusia ke jalan yang lurus. Sabda Nabi Muhammad s.a.w.:

ترَكْتُ فِيْكُمْ أَمْرِيْنِ لَنْ تَضْلُّوْ مَا تَسْكُنُمْ بِهِما: كِتَابُ اللَّهِ وَسُنْنَةُ نَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “Aku tinggalkan kepada kamu semua dua perkara, tidak akan sesat selama-lamanya apa yang berpegang kepada kedua itu, iaitu al-quran dan sunnah nabi.”

Allah telah berfirman bahawa al-Quran akan terjaga dengan baik dan tidak akan dapat diubah oleh sesiapa pun. Sebagaimana firman Allah s.w.t. di dalam surah al-hijr ayat 9:

إِنَّا هُنَّ نَرْلَنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحْفِظُونَ

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.”

Sirah nabawiyah juga merakamkan tiada seorang pun orang kafir yang mampu dan berjaya mengubah ayat al-Quran walaupun pada ketika itu umat Arab sedang berada di zaman kegemilangan bahasa mereka. Hal ini bertepatan dengan firman Allah s.w.t. di dalam surah al-an'am ayat 115:

وَتَمَّتْ كَلِمَتُ رَبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَا مُبَدِّلٌ لِكَلِمَتِهِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Yang bermaksud: “Dan telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (al-Quran, meliputi hukum-hukum dan janji-janjiNya) dengan benar dan adil; tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari kalimah-kalimahNya dan Dialah yang sentiasa mendengar, lagi sentiasa mengetahui.”

2.0 Bagaimana al-Quran Diwarisi

Al-Quran adalah kitab suci umat Islam yang disampaikan oleh Jibril a.s. kepada Nabi Muhammad s.a.w. Kemudiannya, baginda menyampaikan kalimah-kalimah wahyu yang telah diterima kepada para sahabat yang juga merupakan huffaz dan penulis-penulis wahyu. Kaedah yang digunakan dalam penyampaian al-Quran adalah secara *talaqqi* dan *musyafahah* yang masih digunakan turun temurun sehingga ke zaman sekarang.

Kaedah *talaqqi musyafahah* adalah kaedah pembelajaran atau penerimaan al-Quran dari mulut ke mulut atau secara berguru. Kaedah ini terbukti sangat berkesan kerana guru dapat menunjukkan cara sebutan huruf dengan tepat dan sahih kepada para pelajar.

Talaqqi adalah berasal dari kalimah Bahasa Arab iaitu *Talaqqa-Yatalaqqa-Talaqqiyan*. Dari segi bahasa, ia bermaksud pertemuan secara berhadapan atau bersemuka. Manakala dari segi istilah bermaksud pertemuan antara guru dan pelajar secara bersemuka. Mudahnya, guru akan memberi contoh bacaan al-Quran dan pelajar akan mengikutnya.

Musyafahah menurut bahasa adalah sebutan dari mulut ke mulut yang diambil daripada pergerakan dua bibir. Manakala menurut istilah, ia bermaksud pelajar menerima pengajaran secara sebutan guru dengan melihat pergerakan bibir guru dan menyebutnya.

Secara kesimpulan, *talaqqi musyafahah* adalah satu kaedah pembelajaran secara pertemuan bersemuka antara guru dan pelajar di dalam satu majlis pada satu masa tertentu di mana

pelajar menerima pengajaran dengan melihat pergerakan bibir guru dan mengikut bacaan guru, atau guru mendengar bacaan pelajar dan membetulkan kesalahan mereka. Pembacaan al-Quran secara *talaqqi musyafahah* yang bersambung sanadnya sampai kepada Rasulullah s.a.w. adalah sangat dituntut.

3.0 Konsep Sanad

Sanad berasal dari perkataan سند yang bermaksud berteleku, bersandar dan menyandarkan. Manakala سند pula bermaksud sandaran. Istilah sanad dalam ilmu *qiraat* adalah satu disiplin ilmu yang mengetahui sebutan kalimah-kalimah al-Quran serta cara-cara melakukan sebutan sama ada sesuatu yang disepakati atau diperselisihkan oleh para imam *qiraat* serta dikembalikan setiap bentuk bacaan kepada penyampainya. Sanad diistilahkan sebagai rangkaian *mugri'* daripada *mugri'* sehingga sampai kepada Rasulullah s.a.w.

Sanad merupakan keistimewaan yang eksklusif umat Islam sebagaimana Abdullah Ibn Mubarak menegaskan bahawa, “*al-isnad (sanad-sanad) itu adalah sebahagian daripada agama, kalau ia tiada, nescaya sesiapa sahaja akan berkata apa sahaja yang dia suka.*” “*Sanad itu senjata mukmin. Jika seseorang tidak memiliki senjata, maka dengan apakah dia ingin berperang?*”

Teori di atas dijadikan asas dalam penyampaian dan penerimaan ilmu agama bagi menjamin dan memastikan kesahihan ilmu dan maklumat. Oleh itu, pengambilan sanad amat dititikberatkan dan perlu diberikan perhatian untuk menggalakkan umat Islam ke arah berusaha mendapatkan ilmu yang sahih dan meninggalkan sebarang keraguan. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

دَعْ مَا يُرِيكُ إِلَى مَا لَا يُرِيكُ

Yang bermaksud: “*Tinggalkanlah apa-apa yang meragukan kamu, berpindahlah kepada apa yang tidak meragukan kamu.*”

4.0 Dalil-dalil Berkaitan Sanad

لَا تُحِرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ إِنَّ عَلَيْنَا جَمَعَهُ وَقُرْءَانَهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ

Yang bermaksud: “*Janganlah engkau (wahai Muhammad) Kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu). Sesungguhnya Kami lah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu) dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.*”

عن أنس رضي الله عنه قال: قال النبي صلی الله علیه وسلم لأبی إن الله أمرني أن أقرأ عليك القراءان، قال أبی الله سمای لك، قال الله سماک لي، فجعل أبی يبكي.

Yang bermaksud: “Dari pada Anas bin Malik, bahwasanya Rasulullah s.a.w. telah berkata kepada Ubai: Sesungguhnya Allah menyuruhku membacakan al-Quran kepadamu, Ubai berkata: Adakah Allah memilihku dan menyebut namaku disisimu?, jawab Nabi: Allah telah memilih dan menamakan kamu disisiku. Maka Ubai pon menangis.”

قال النبي صلی الله علیه وسلم: خذوا القراءان من أربعة، من عبد الله ابن مسعود و سالم و معاذ بن جبل وأبی بن كعب.

Yang bermaksud: “Sabda Nabi s.a.w.: Ambillah (pelajarilah) al-Quran daripada empat orang iaitu Abdullah bin Mas’ud, Salim, Muaz bin Jabal dan Ubai bin Ka’ab.”

5.0 Tokoh Sanad Tertinggi

Antara tokoh al-Quran yang terkenal dengan ketinggian sanad adalah Syeikh Kurayyim Rajih. Beliau mendapat gelaran Syiekhul Qurra’ Al-Syam iaitu tokoh al-Quran Negara Syria. Gelaran ini hanya diberikan kepada seorang insan yang diiktiraf keilmuannya dari segi al-Quran oleh ulamak-ulamak Damsyiq. Beliau menjadi tempat rujukan jika terdapat perbezaan dan perselisihan dalam ilmu-ilmu al-Quran terutamanya ilmu *qiraat*.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Syeikh Kurayyim Rajih sering hadir ke Malaysia untuk sesi perkongsian ilmu terutamanya dalam bidang al-Quran. Beliau akan menjelajah ke beberapa tempat di Malaysia dan menyampaikan ceramah berkaitan Syria, al-Quran di samping mengijazahkan sanad al-fatihah kepada para hadirin.

Para pembaca al-Quran sangat dituntut untuk mendapatkan sanad yang lebih tinggi dan hampir kepada Rasulullah s.a.w. Ini adalah kerana sanad yang lebih hampir kepada Rasulullah adalah lebih diyakini kesahihannya. Hal ini diungkapkan sendiri oleh Imam Ahmad:

طَلَبُ الْإِسْنَادِ الْعَالِيِّ سُنَّةً عَمَّنْ سَلَفَ

Maksudnya: “Mencari sanad yang tinggi merupakan sunnah orang terdahulu.”

Yahya bin Ma’in ketika sakit juga pernah berkata semasa ditanya:

مَا تَشَتَّهِي؟ قَالَ: بَيْتٌ خَالِيٌّ وَإِسْنَادٌ عَالِيٌّ

Maksudnya: “Apa yang kamu harapkan?. Beliau menjawab: Rumah yang lapang (tidak banyak gangguan atau tidak mempunyai harta benda yang banyak) dan juga sanad yang tinggi.”

6.0 Kepentingan Sanad

Pengambilan sanad telah mula dititikberatkan di Malaysia. Ini berikutan beberapa faktor penting yang membawa kepada hasil positif sekiranya tradisi sanad sentiasa diamalkan. Antara program-program sanad yang popular masa kini di Malaysia adalah sanad *talaqqi* surah al-fatihah, sanad *talaqqi* al-Quran dan sanad azan serta iqamah.

Tradisi pengambilan sanad perlu diteruskan disebabkan wujudnya beberapa kepentingan. Kepentingan utama pengambilan sanad adalah kerana ianya merupakan sunnah Rasulullah s.a.w. Baginda membaca al-Quran dengan Malaikat Jibril secara bertalaqqi dan mengulangnya pada bulan Ramadhan setiap tahun. Setiap surah dan ayat al-Quran disampaikan oleh Malaikat Jibril kepada baginda menerusi kaedah *talaqqi musyafahah* iaitu Jibril membaca ayat al-Quran dan diikuti oleh baginda, seterusnya dihafaz ayat-ayat tersebut oleh baginda. Bermula dari surah al-‘Alaq hingga kepada ayat yang terakhir, kaedah ini berterusan digunakan untuk mewariskan al-Quran sehingga ke hari ini. Daripada baginda kepada para sahabat, kemudian diwariskan kepada tabi’in dan sehingga sampai kepada kita ayat-ayat al-Quran, yang mana semua ini membuktikan kesinambungan sanad al-Quran yang terjaga rapi oleh para guru-guru al-Quran. Hal ini sekaligus menunjukkan pengambilan sanad al-Quran adalah merupakan sunnah Rasulullah s.a.w. yang perlu dijaga dan diamalkan secara berterusan.

Seterusnya, sanad amat dititikberatkan dalam pembelajaran bacaan al-Quran kerana ia merupakan satu-satunya cara yang terbaik untuk mengetahui kesahihan, kebenaran dan kebolehpercayaan ilmu bacaan yang diperolehi. Abdul Rahman bin Abdul Khaliq dalam kitabnya telah menekankan kaedah kedua hafalan iaitu membetulkan ucapan dan bacaan. Beliau menggalakkan para huffaz untuk membetulkan ucapan dan bacaan mereka dengan memperdengarkan bacaan kepada qari atau huffaz yang mahir. Guru yang mahir dalam bacaan al-Quran memainkan peranan yang penting bagi memastikan setiap ayat yang dibaca adalah bertepatan dengan bacaan Rasulullah s.a.w. Walaupun kita dibanjiri dengan kemajuan teknologi yang semakin canggih dalam memberikan pendidikan al-Quran, namun begitu ia masih terdapat kekurangan dan kelemahan. Secara mudahnya, teknologi yang ada tidak mampu untuk menjadi guru yang boleh mengajar bacaan al-Quran secara tepat dan sahih.

Tambahan lagi, mempelajari sesuatu ilmu dan memiliki sanad yang bersambung sampai kepada Rasulullah s.a.w. adalah satu kelebihan yang mulia untuk dimiliki oleh setiap individu. Ilmu yang diterima adalah bersifat sahih, benar dan sah kerana ianya bersambung terus sampai kepada baginda tanpa ada keraguan. Amalan pengambilan sanad ini telah berlaku secara meluas di negara-negara arab dan di timur tengah. Para guru yang mempunyai sanad akan mengijazahkan sanad kepada pelajar-pelajar mereka setelah tamat proses pembelajaran. Bukan sekadar al-Quran, malah setiap kitab dan ilmu yang dipelajari akan diijazahkan sanad tanda ilmu tersebut bersambung hingga kepada baginda s.a.w. Pengambilan sanad ini menjadi suatu kebanggaan kepada para penuntut ilmu, malahan masing-masing berlumba untuk mendapatkan sanad yang lebih banyak dan lebih hampir kepada baginda.

Di samping itu juga, amalan pengambilan sanad amat penting untuk mengenalpasti ayat-ayat suci al-Quran yang palsu atau yang diselewengkan. Perkara ini telah lama berlaku sejak bermulanya al-Quran diturunkan apabila puak kafir sentiasa mencipta syair-syair arab untuk menandingi kehebatan ayat suci al-Quran. Pada zaman kini pula, teknologi yang canggih telah dimanipulasikan oleh golongan-golongan kafir untuk merosakkan akidah umat Islam

yang kian lemah. Sebagai contoh, wujud al-Quran dan surah palsu yang tersebar di internet, terhasilnya aplikasi al-Quran dengan ayat yang tidak lengkap dan tafsir-tafsir di internet yang tidak diketahui kesahihannya. Hal ini sangat membahayakan sekiranya tersebar kepada masyarakat dan tidak dibendung dengan segera. Oleh yang demikian, guru-guru al-Quran yang berautoriti perlu mengajar dan mendidik masyarakat secara berdepan dan tidak sepenuhnya bergantung kepada teknologi. Dengan wujudnya kelas-kelas al-Quran, para guru mungkin boleh mengesan sebarang ayat al-Quran yang tidak sahih yang digunakan oleh sebahagian umat Islam. Sebagaimana janji Allah s.w.t., al-Quran pasti akan terjaga hingga ke akhir zaman.

Pengajian al-Quran secara bersanad mempunyai kepentingan tersendiri yang perlu diambil berat dan perhatian oleh umat Islam. Pengajian bersanad merupakan sistem tradisi ilmu Islam yang dipelopori oleh para sahabat sejak menuntut ilmu daripada Rasulullah s.a.w. Para sahabat mengambil pelbagai ilmu dan maklumat dari mulut baginda sendiri ataupun dari mulut sahabat yang lain ketika sesi perkongsian ilmu. Tradisi ini berterusan sehingga kepada generasi kini tanpa mengira bidang ilmu sama ada hadis, al-Quran, fiqh dan lain-lain. Ilmu yang diperolehi dari mulut para guru adalah contoh kaedah bertalaqqi dan tradisi pengambilan ilmu secara bersanad.

Sehubungan dengan itu juga, proses penurunan al-Quran ke atas Nabi Muhammad s.a.w. melalui Malaikat Jibril adalah secara kaedah bertalaqqi iaitu secara bacaan dan bukannya tulisan. Setiap huruf, perkataan dan ayat al-Quran diajarkan oleh Jibril dengan cara membacanya dan diikuti oleh baginda tanpa perubahan bagi memastikan al-Quran sentiasa terpelihara. Hal ini merupakan salah satu keistimewaan sanad bagi menjaga dan menjamin ketulenan dan keaslian bacaan al-Quran dan *qiraat* sehingga ke akhir zaman.

Konsep sanad dan kaedah bertalaqqi akan membentuk bimbingan yang berterusan seorang guru terhadap pelajarnya. Setiap pelajar akan mendengar dan memperdengarkan bacaan secara menyeluruh dari awal al-Quran iaitu surah al-fatihah hingga penghujungnya iaitu surah an-nas. Tempoh masa untuk menamatkan pembelajaran al-Quran mengambil masa yang lama malah mungkin memakan masa beberapa tahun. Perkara ini akan memupuk hubungan yang baik diantara guru dan murid disamping bimbingan pembelajaran al-Quran secara berterusan. Pembelajaran al-Quran secara bersanad sudah pasti akan meliputi ilmu-ilmu wajib seperti tajwid dan kelancaran bacaan al-Quran sekaligus dapat melahirkan pelajar yang juga berkemahiran untuk mengajar al-Quran. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

خیر کم من تعلم القرءان وعلمه

Yang bermaksud: “*Sebaik-baik kamu adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya.*”

7.0 Qiraat Yang Masyhur Di Malaysia

Ilmu *qiraat* terdiri daripada beberapa imam yang membawa dan mempopularkan bacaan masing-masing melalui murid-murid mereka. Imam *qiraat* yang masyhur adalah imam yang tujuh iaitu Imam Nafi', Imam Ibnu Kathir, Imam Abu Amru, Imam Ibnu Amir, Imam Asim, Imam Hamzah dan Imam al-Kisaie. Di Malaysia, *qiraat* yang masyhur adalah bacaan melalui riwayat Imam Hafs yang merupakan anak murid kepada Imam Asim.

Menurut Abd Rahman Aitani, *qiraat* Imam Hafs yang diamalkan di seluruh dunia berdasarkan peratusan adalah sebanyak 95%. Manakala *qiraat* lain yang diamalkan adalah riwayat Qalun (0.07%), riwayat Warsh (3%), riwayat Abu Amru (0.03%) dan riwayat Ibnu Amir (1%). Ini membuktikan riwayat Hafs adalah *qiraat* yang lebih dikenali berbanding riwayat-riwayat yang lain. Majoriti umat Islam membaca al-Quran menggunakan riwayat Hafs dan kebanyakan al-Quran dicetak mengikut riwayatnya.

Menurut Syeikh Hussin, antara faktor tersebarinya *qiraat* riwayat Hafs secara meluas di seluruh pelosok dunia adalah kerana khilaf bacaan yang wujud adalah sedikit sahaja. Ini memudahkan para pembaca untuk mengurangkan kesalahan-kesalahan ketika membaca al-Quran. Selain itu, majoriti perantara yang membawa *qiraat* riwayat Hafs adalah ulamak-ulamak al-Quran yang tersohor dan tsiqah pada zaman mereka. Faktor-faktor ini telah menyebabkan *qiraat* riwayat Hafs mudah tersebar secara meluas dan digunakan di kebanyakan wilayah dan negara.

8.0 Penutup

Sanad merupakan satu mekanisme yang ampuh dan terbaik dalam menjaga keaslian dan kesahihan ayat-ayat suci al-Quran. Pengajian al-Quran secara bersanad masih relevan memandangkan masih belum wujud kaedah pendidikan moden yang mampu menjaga keaslian al-Quran. Sistem pengajian al-Quran bersanad juga semakin popular di Malaysia. Ramai individu merasa semangat untuk mencari guru-guru al-Quran yang bersambung sanad sampai kepada Rasulullah s.a.w. Oleh itu, usaha yang berterusan dari para guru al-Quran perlu diagiarkan lagi bagi memastikan kelangsungan sistem pembelajaran al-Quran secara bersanad. Guru-guru al-Quran juga digalakkan untuk mencari sanad yang lebih dan hampir kepada baginda. Sistem pendidikan secara bersanad perlu diteruskan seiring dengan peredaran zaman dan perkembangan teknologi masa kini.

9.0 Rujukan

Buku Panduan Rasm Uthmani, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (2004). Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran KDN.

Abdul Rahman bin Abdul Khaliq (1994). Kaedah Menghafaz Al-Quran. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd.

Khairuddin bin Said & Jamaluddin bin Adam. Corak Tariq Sanad Pengajian Al-Quran Di Negeri Pahang. *Centre of Quranic Research International Journal*.

Sedek bin Ariffin. Kepentingan Talaqqi Dan Musyafahah Dalam Pembacaan Al-Quran.

Khairuddin bin Said, Jamaluddin bin Adam. Keaslian Sanad Pengajian Al-Quran: Kelangsungan Tradisi Ilmu Al-Quran.

Irsyad Al-Hadith Siri Ke-177. Kelebihan Sanad Yang Tinggi. www.muftiwp.gov.my.

Al-Quran dan Hadis.